

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



Strategi Keusahawanan Mampan di kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)



17 Matlamat Pembangunan Mampan

Sumber: <https://kpalinsh.blogspot.com/2021/04/sustainable-development-goal-malaysia.html>

Mahathir Mahali¹, Suhanom Mohd Zaki², Mohd Zahid Laton³, dan Shaiful Azlan Abdul⁴

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang, Cawangan Jengka

*Koresponden: mahathir241@uitm.edu.my

PENGENALAN

Konsep keusahawanan mampan telah menarik perhatian pelbagai pihak sejak sedekad yang lalu. Sejak 2015, kerajaan Malaysia telah berikrar untuk memberi komitmen yang serius dalam melibatkan diri mencapai Matlamat Pembangunan Mampan yang terdiri daripada 17 objektif alam sekitar, ekonomi dan sosial. Keusahawanan mampan melibatkan usahawan menjana keuntungan sambil memberi kesan positif dan mampan kepada alam sekitar dan masyarakat. Ia juga berkaitan dengan mewujudkan perusahaan yang menguntungkan dan mencapai objektif alam sekitar dan sosial tertentu serta mencapai apa yang disebut sebagai "triple bottom-line" di mana perniagaan sama ada kecil, sederhana atau besar mempunyai kewajipan kepada masyarakat dengan menyeimbangkan tiga aspek kemampanan iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar.

KEUSAHAWANAN MAMPAN DAN PKS

Isu keusahawanan mampan ini tidak terhad kepada syarikat besar sahaja, tetapi juga kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang digesa untuk mengintegrasikan objektif sosial dan perlindungan alam sekitar serta pada masa yang sama, meningkatkan keuntungan perniagaan. Permintaan untuk PKS bertindakbalas terhadap isu kemampanan semakin meningkat memandangkan PKS secara kolektifnya menyumbang kepada lebih daripada 97% daripada jumlah perniagaan yang ditubuhkan. Oleh itu, kesan daripada tindakan dan ketiadaan tindakan mereka amat ketara. Di antara cabaran yang dihadapi PKS dalam menerima konsep keusahawanan mampan adalah usahawan PKS tidak jelas tentang tindakan kemampanan yang perlu dijalankan dan kekurangan sumber yang membolehkan mereka melaksanakan inisiatif kemampanan. PKS menghadapi peningkatan tekanan persaingan yang didorong oleh globalisasi, peningkatan kesedaran sosial, perundangan dan peningkatan dalam pengimbangan pasaran. Oleh itu, PKS terpaksa mempertimbangkan isu kemampanan untuk terus berdaya saing dalam pasaran.

AMALAN KEUSAHAWANAN MAMPAN

Terdapat beberapa komponen yang menjelaskan amalan kemampanan di kalangan PKS iaitu pengurusan ekosistem, pengurusan pengeluaran, orang dan kemahiran serta pihak berkepentingan.

1. Pengurusan Ekosistem

Ekosistem keusahawanan mampan adalah sekumpulan pihak berkepentingan yang saling berkaitan dan bekerjasama dalam menawarkan sokongan kepada usahawan yang memfokus kepada kemampanan aktiviti keusahawanan dengan mengambil kira dimensi kemampanan iaitu ekonomi, persekitaran dan sosial yang seterusnya menyumbang kepada transformasi ke arah ekonomi serantau yang mampan. Dimensi persekitaran memerlukan firma untuk memantau sisa mereka, melakukan pemuliharaan tenaga, menjalankan kitar semula, mempunyai komunikasi dua hala yang berkesan dengan orang awam dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar berhubung aktiviti pengeluaran perniagaan mereka.

2. Pengurusan Pengeluaran

Dalam proses pengeluaran, tujuan projek alam sekitar mampan adalah untuk mencegah pengeluaran sisa dan menyokong penggunaan sumber tenaga. Aspek pengurusan pengeluaran yang penting kepada PKS ialah menawarkan nilai untuk wang, produk berkualiti serta penyusunan produk yang efisien. Ketidakeimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan sosial akan menyebabkan kemusnahan alam sekitar dan pembangunan yang tidak mampan. Untuk itu, firma perlulah melaksanakan amalan perkilangan mampan yang efektif dan reka bentuk ekologi yang baik agar dapat memberi kesan positif terhadap persekitaran.

3. Orang dan Kemahiran

Individu dan kemahiran berkait rapat dengan keusahawanan. Satu kategori usahawan baharu telah diwujudkan yang disebut sebagai usahawan mampan, selaras dengan konsep keusahawanan mampan dan integrasi matlamat ekonomi, sosial dan alam sekitar. Tahap pendidikan, pengalaman bekerja serta pengurusan dan bilangan perniagaan yang dibentuk mempunyai hubungan langsung dengan keusahawanan mampan. Selain itu, pertimbangan terhadap pengurusan sumber manusia dalam aspek pengambilan pekerja, pertumbuhan berterusan dengan membentuk persekitaran dan budaya pembelajaran serta program latihan sangat penting dalam mencapai keusahawanan mampan. Pengetahuan dan kemahiran dalam keusahawanan memberi kesan positif kepada pertumbuhan dan kejayaan firma.

4. Pihak Berkepentingan

Pihak berkepentingan merujuk kepada kumpulan yang diperlukan oleh firma, khususnya pelanggan, pembekal, pekerja, pemegang saham, dan komuniti. Adalah penting untuk usahawan meletakkan kepercayaan hubungan timbal balik dengan semua pihak yang terlibat dalam perniagaan termasuklah pihak berkepentingan. Pihak berkepentingan mempunyai jangkaan dan permintaan terhadap perniagaan serta menawarkan sumbangan yang penting kepada peluang dan prestasi perniagaan. Pendekatan yang positif terhadap pihak berkepentingan ternyata memberi kesan kepada prestasi perniagaan dalam jangka masa panjang.

Kesimpulannya, PKS memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak terutamanya pengguna, masyarakat, pemain industri dan kerajaan bagi memastikan pelaksanaan keusahawanan mampan dapat dilakukan dengan berjaya dan berkesan.

Rujukan

- [1] Hosseininia, G. & Ramezani, A. (2016). Factors Influencing Sustainable Entrepreneurship in Small and Medium-Sized Enterprises in Iran: A Case Study of Food Industry. *Sustainability*, 8, 1010; doi:10.3390/su8101010.
- [2] Kimuli, S. N., Sendawula, K., & Humphrey, M. S. (2021). Sustainable entrepreneurship of small businesses in Uganda: A confirmatory factor analysis. *African Journal of Business Management*, 15(5), 139–151. <https://doi.org/10.5897/ajbm2021.9207>